

Newspaper	Berita Harian
Date	11 December 2015

Salam perpaduan perkukuh ummah

UMNO sedia bersama dengan PAS jika persepakatan itu membawa kebaikan dalam penyatuan ummah, khususnya orang Melayu di negara ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata 'tangan akan dihulurkan' kepada sesiapa sahaja, termasuk PAS sebagai agenda memperkukuh ummah.

"Ini bukan gambaran kita tidak menghulur tangan kepada pihak lain. Dalam hal ini UMNO terbuka. Ini adalah agenda tahaluf siasi iaitu kerjasama pohtik.

"(UMNO) tidak bprb^jat mengenyi atau mengecilkan agama lain tetapi menjadi agenda bersama badan Islam, termasuk parti politik," katanya pada sidang media harian sempena Perhimpunan Agung UMNO 2015, di sini, semalam.

Yang turut hadir, rakan sejawatannya dalam UMNO merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang sebelum ini dilaporkan berkata, parti itu sedia bekerjasama dengan UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam metakkan rakyat sebagai keutamaan.

Hadi berkata, keputusan itu pendekatan terbaru diambil PAS dengan menolak segala fahaman politik yang berbeza.



Najib disambut oleh Muhyiddin, Ahmad Zahid dan Tengku Adnan ketika tiba untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO di PWTC.

Amat dinantikan

Ditanya apakah akan berlaku kerjasama 'bertepuk dua belah tangan' itu berikutan banyak pihak memang menanti-nantikan saat itu, Ahmad Zahidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Kalau itu tafsirannya, mudah-mudahan kita doakan ia terjadi.

"(Ia akan menjadi) tepukan satu suara yang kuat untuk kepentingan ummah secara keseluruhannya," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Datuk Seri Najib Razak sebelum ini pernah mengingatkan kepimpinan UMNO dengan mengatakan 'sebelum kita melihat ke sana', kita jaga rumah tang-

ga kita dulu".

Dalam pada itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata kertas siasatan berhubung tindakan disiplin terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin sudah siap dan akan dihantar kepada Lembaga Disiplin parti dalam masa terdekat.